

**PERUTUSAN**  
**Y.BHG. DATO' IR HJ ISMAIL BIN MD SALLEH**  
**KETUA PENGARAH, LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**  
**PADA**  
**PROGRAM HARI KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN**  
**LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**11 JANUARI 2012 (RABU)**  
**DEWAN SERBAGUNA LLM**

TERIMA KASIH SAUDARI PENGACARA MAJLIS

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

Y.BERUSAHA EN MOHD SALLEH BIN SANTHIMAN

TIMB. KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

Y. BERUSAHA TN. HJ. RAHIM BIN GOON

TIMB. KETUA PENGARAH (BISNES)

Y. BERUSAHA EN. MOHD SHUHAIMI BIN HASSAN

PENGARAH KANAN PROJEK (JPP 2)

Y. BERUSAHA PN. ZURAIDA BINTI SHAHARUDIN

PENGARAH KANAN PENGURUSAN

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN LLM, WAKIL-WAKIL SYARIKAT KONSESI

LEBUH RAYA, PEGAWAI-PEGAWAI SERTA KAKITANGAN LLM SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WBT, SALAM SEJAHTERA

ALHAMDULILLAH SYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN IZIN

DAN LIMPAH KURNIANYA DAPAT KITA BERKUMPUL BERSAMA-SAMA DALAM

PROGRAM HARI KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN, LEMBAGA

LEBUHRAYA MALAYSIA PADA HARI INI.

HADIRIN YANG DIHORMATI,

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA SEMENANGNYA MENITIKBERATKAN ASPEK KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN KEPADA SEMUA KAKITANGAN. SEPERTI YANG SERING KITA DENGAR, AKTA KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN 1994 (AKTA 514) TELAH MEMPERUNTUKAN BAHAWA ADALAH MENJADI KEWAJIPAN SETIAP MAJIKAN UNTUK MEMASTIKAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN KEBAJIKAN SETIAP PEKERJANYA. ATAS TANGGUNGJAWAB INI, LLM TELAH MENUBUHKAN JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN LLM BAGI MEMASTIKAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN WARGA LLM TERJAMIN DAN SENTIASA DIUTAMAKAN.

SESUNGGUHNYA OBJEKTIF PENGANJURAN PROGRAM HARI KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN LLM ADALAH UNTUK MEMUPUK KESEDARAN DAN MEMBERI PENDIDIKAN MENGENAI ASPEK KESELAMATAN DAN KESIHATAN KEPADA WARGA LLM. SELAIN ITU, PROGRAM INI JUGA BERTUJUAN UNTUK MEWUJUDKAN SUASANA HARMONI, SEJAHTERA DAN BAHAGIA MELALUI PENERAPAN BUDAYA KERJA SELAMAT DAN SIHAT. WARGA LLM JUGA AKAN MENGAMALKAN PENDEKATAN POSITIF UNTUK MENJAMIN KESELAMATAN DAN KESIHATAN BAGI MENGELAKKAN KEMALANGAN. SELAIN ITU, IA JUGA MEMBERI PENDEDAHAN KEPADA WARGA LLM TENTANG PERANAN, FUNGSI SERTA TANGGUNGJAWAB AGENSI BERKAITAN YANG MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN KESELAMATAN. AKHIR SEKALI AMALAN OSHA AKAN

MENINGKATKAN KERJASAMA LLM DENGAN AGENSI-AGENCI YANG TERLIBAT DENGAN KESELAMATAN.

LLM JUGA KINI SEDANG BERUSAHA KE ARAH PENSIJILAN OHSAS 18000 BAGI MEMASTIKAN LLM MENJADI SEBUAH ORGANISASI YANG MENGAMALKAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN MENGIKUT PIAWAIAN ANTARABANGSA. INI JUGA MENUNJUKKAN LLM BEGITU KOMITED DALAM MEMASTIKAN KESELAMATAN & KESIHATAN SETIAP WARGA KERJA LLM TERPELIHARA.

AKHIR KATA, ADALAH MENJADI HARAPAN SAYA UNTUK MELIHAT USAHA KE ARAH PENSIJILAN OHSAS 18000 INI DAPAT DIREALISASIKAN DAN MENJADI KENYATAAN.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIKWALHIDAYAHWASSALAMUALAIKUM